

## Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak Di Malaysia

Muhammad Sayuti Bin Sabdan<sup>1</sup>, Norlidah Alias<sup>2</sup>, Dato' Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof<sup>3</sup>,  
Nazean Jomhari<sup>4</sup>, Nor 'Aziah Mohd Daud<sup>5</sup>, & Noor Fadilah Md Aslie<sup>6</sup>

Email: <sup>1</sup>mr.muhdsayuti@gmail.com, <sup>2</sup>drnorlidah@um.edu.my, zulkifliy@um.edu.my,

<sup>3</sup>nazean@um.edu.my, <sup>5</sup>muna94amiruldin64@gmail.com & <sup>6</sup>nourfadyl@gmail.com

<sup>1</sup>Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, <sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, <sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, <sup>4</sup>Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, <sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, <sup>6</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

### **Abstrak**

Pendidikan al-Quran merupakan satu keperluan serta tuntutan bagi manusia yang bergelar Muslim sama ada bagi golongan tipikal mahupun golongan istimewa. Golongan istimewa adalah golongan yang memiliki ketidakupayaan yang berbeza-beza dari sudut fizikal, penglihatan, pendengaran, kognitif serta pelbagai. Bagi golongan pekak ia mempunyai ketidakupayaan dari sudut pendengaran serta pertuturan. Ketidakupayaan pendengaran pula terbahagi kepada tiga iaitu ringan, sederhana dan teruk. Oleh itu, kajian ini lebih tertumpu pada tinjauan terhadap pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak di Malaysia. Ia merangkumi badan kerajaan serta badan bukan kerajaan seperti institusi, persatuan dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak adalah berbeza-beza sama ada di peringkat sekolah, institusi, persatuan, dan sebagainya. Oleh itu, perlunya kajian yang lebih terperinci terhadap penyusunan semula pendidikan al-Quran bagi golongan istimewa khususnya bagi golongan pekak.

**Kata kunci:** *Pendidikan al-Quran, golongan istimewa, golongan Pekak.*

### **Abstract**

Quranic education is a necessity to those who are Muslim either a typical person or disabled person. The group of disabled person have a different disability from the physical, sight, hearing, cognitive and many more. Thus, this research is focused on review to the Quranic education for the deaf community in Malaysia. It was included by government and non-government institutions, associations and others. The result shows that the deaf community is varied either school level, institutions, associations and others. Therefore, it is compulsory to do a detailed study on the restricting Quranic education for the disabled person focusing on the deaf community.

**Keywords:** *Quranic education, special need person, deaf community*

### **1. Pengenalan**

Al-Quran dan as-Sunnah merupakan pegangan bagi umat Nabi Muhammad S.A.W serta menjadi panduan dan rujukan utama hingga ke hari ini. Oleh itu, agama Islam menyeru ke atas umatnya agar mengimani serta mendalami lagi ilmu-ilmu yang terdapat di dalam kitab suci al-Quran dan as-Sunah (Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, & Nor 'Aziah Mohd Daud, 2016).

Menurut Sidik Baba (2006), pendidikan Islam merupakan pendidikan yang mementingkan pengajaran dan pembelajaran dari sudut nilai etika dan agama. Pengajaran dan pembelajaran agama perlulah berlandaskan al-Quran dan as-Sunah yang sahih. Manakala Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, & Nurul Asiah Fasehah Muhammad et al. (2014) menyatakan bahawa

pendidikan Islam merupakan ilmu berkenaan dengan hal ehwal agama Islam atau maklumat berkaitan dengan agama Islam. Ia bertujuan bagi meningkatkan keupayaan kognitif pelajar sama ada dari sudut strategi, pendekatan, kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran bersetujuan dengan tahap keupayaan pelajar.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan bagi umat Islam mempelajari serta menyampaikan nya kepada semua umat manusia tidak mengira pangkat, rupa, harta, keturunan mahupun tahap keupayaan intelek yang berbeza (Juwairiah Hassan, 2009). Sesungguhnya Allah S.W.T akan mengangkat darjat bagi orang-orang yang beriman dan berilmu sepetimana firman Allah S.W.T;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَlisِ فَافْسُحُوا يَقْسِعَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ آدْشُرُوا فَانْشُرُوا  
يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَمِيرٌ  
◎

( Surah al-Mujadalah: 11 )

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila dikatakan kepada kamu, berilah kelapangan di dalam majlis-majlis, maka lapangkan lah. Nescaya Allah S.W.T akan memberi kelapangan untuk mu. Apabila dikatakan, berdirilah kamu, maka berdirilah. Nescaya Allah S.W.T. akan mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Allah S.W.T. Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Mempelajari ilmu bacaan al-Quran merupakan satu tuntutan serta membacanya akan mendapat ganjaran berlipat ganda seperti mana sabda Rasulullah S.A.W;

مِنْ قَرَا حِرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بَعْضُ امْثَالِهَا لَا أَقُولُ (الْمُ) حِرْفٌ وَلَكِنَّ الْفَ, حِرْفٌ وَلَامٌ حِرْفٌ وَمِيمٌ حِرْفٌ

( Sunan Abu Daud, no: 1252)

Maksudnya: Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah (al-Quran), maka baginya satu kebijikan dan satu kebijikan digandakan sepuluh. Aku tidak bermaksud itu satu huruf ( ) akan tetapi, alif satu huruf, lam itu satu huruf dan mim itu satu huruf.

Bagi mempelajari dan menguasai ilmu bacaan al-Quran terlebih dahulu perlu menguasai ilmu asas tajwid. Salah satu perkara asas ilmu tajwid adalah dengan mengetahui kaedah atau cara sebutan makhraj huruf dengan betul. Makhraj huruf adalah tempat keluar huruf-huruf hijaiyyah dari beberapa bahagian di dalam rongga mulut (Niraida Md Noor, 2015). Manakala huruf hijaiyyah adalah huruf-huruf yang bermula dengan huruf alif (ا) dan di akhiri dengan huruf ya (ي) (Muhammad Nazir Mohamed Khalid, 2013).

Namun begitu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi golongan istimewa adalah berbeza berbanding dengan golongan tipikal (normal) (Azzamilli & Bazazoo, 2013; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016; Muhammad Sayuti Sabdan, 2014; Noornajihan Jaafar et al., 2014). Golongan istimewa atau boleh dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang mempunyai ketidakupayaan yang berbeza-beza sama ada dari sudut neurologi, deria, komunikasi, dan tingkah laku (Wan Sabri Wan Husin, Mohd Zaini Mat Abas, Nor ‘Aziah Mohd Daud, Norakyairee Mohd Raus, Nazean Jomhari, & Afifah Salleh, 2013). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016), golongan OKU adalah golongan yang mempunyai ketidakupayaan dari sudut fizikal, mental, intelektual dan pancaindera. Bahkan disebabkan ketidakupayaan ini, ia memberi kesan terhadap mobiliti sosial mereka. Manakala menurut Azman Ab Rahman,

Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, dan Mohammad Naqib Hamdan (2014) bahawa golongan istimewa adalah golongan yang memerlukan bantuan khusus atau dalam bahasa Arab nya ialah *dhu al-Ihtiyajat al-khassah*.

Menurut Siti Suhaila Saiman, Khadijah Md Ali, Johar Bunimin, dan Yahya Buntat (2013) terdapat enam kategori golongan istimewa iaitu ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran, dan masalah emosi. Manakala pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula menyatakan bahawa golongan istimewa terdiri daripada enam kategori iaitu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012);

- i. Buta (masalah penglihatan).
- ii. Pekak (masalah pendengaran).
- iii. Kesukaran bertutur.
- iv. Kurang upaya fizikal.
- v. Kurang upaya pelbagai.
- vi. Masalah pembelajaran (Autisme, *Sindrom Down*, *Dyslexia*, dan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD)).

Golongan pekak atau ketidakupayaan pendengaran adalah golongan yang mempunyai masalah dari sudut deria pendengaran yang kurang baik. Menurut Schraer-Joiner (2014), istilah bagi pekak dan ketidakupayaan pendengaran adalah berbeza. Pekak ialah merujuk kepada mereka yang mengalami masalah pendengaran yang teramat teruk. Manakala ketidakupayaan pendengaran ialah mereka yang mempunyai masalah pendengaran pada tahap yang berbeza-beza iaitu ringan, sederhana dan teruk. Berbeza pula dengan Williams (2015) bahawa pekak terdiri daripada dua kategori iaitu pekak dan pekak teruk. Manakala menurut Spencer (2016) pula menyatakan bahawa golongan pekak adalah golongan yang tidak dapat memproses maklumat dengan tepat. Selain itu, golongan pekak juga menghadapi masalah dari sudut pertuturan (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016; Mohd Zuhri & Aznan Che Ahmad, 2011).

Disebabkan ketidakupayaan ini ia menjadi halangan kepada mereka untuk mempelajari ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Quran (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016). Namun begitu, ketidakupayaan ini tidak menghalang untuk mereka mengenali dan mempelajari ilmu-ilmu berkaitan al-Quran. Sabda Rasulullah S.A.W;

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْتَظِرُ إِلَى صُورَكُمْ، وَأَمْوَالَكُمْ، وَلَكِنْ يَنْتَظِرُ إِلَى قُلُوبَكُمْ، وَأَعْمَالَكُمْ

(Muslim, no. Hadith: 2564)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa-rupa kamu, dan harta-harta kamu, tetapi Dia (Allah) melihat kepada hati-hati kamu, dan amalan-amalan kamu.

Oleh yang demikian, kertas kerja konsep ini akan membincangkan berkenaan dengan pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak di Malaysia adalah berbeza-beza di setiap tempat. Ia juga melibatkan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan sama ada di peringkat sekolah, institusi, persatuan, dan sebagainya.


## **2. Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Melibatkan Badan Kerajaan**

Sebelum terbentuknya Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK), kurikulum bagi subjek pendidikan Islam pendidikan khas bagi masalah pendengaran adalah dengan menggunakan kurikulum aliran perdana bagi pelajar tipikal (Mohd Zuhri & Aznan Che Ahmad,

2011; Muhammad Sayuti Sabdan, 2014; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016). Menurut Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, dan Safani Bari (2012), pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi pelajar pekak pada ketika itu terbahagi kepada dua iaitu pelajar pekak tidak boleh mengeluarkan suara dan pelajar pekak yang boleh mengeluarkan suara. Bagi pelajar yang tidak boleh mengeluarkan suara guru-guru pendidikan Islam khas masalah pendengaran lebih menumpukan kepada pengetahuan berkenaan dengan huruf-huruf *hijaiyyah*. Manakala bagi pelajar pekak yang boleh mengeluarkan suara, guru-guru memberi tumpuan kepada cara bacaan ayat al-Quran secara *talaqqi musyafahah* dengan menggunakan kaedah Iqra'. Namun begitu, ia tidak dapat dilaksanakan secara berterusan selepas pelajar pekak menduduki tahun dua di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK).

Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan KSSRPK Pendidikan Islam Masalah Pendengaran berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Berdasarkan pembentukan kurikulum ini, ia memberi ruang dan peluang bagi pelajar pekak mempelajari dan mendalami ilmu pendidikan Islam terutamanya pengajian al-Quran. Berdasarkan KSSRPK Pendidikan Islam Masalah Pendengaran, kaedah yang digunakan oleh pelajar pekak dalam pengajian al-Quran adalah dengan menggunakan kaedah Fakih. Kaedah Fakih adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran khusus bagi pelajar pekak di sekolah (KSSRPK, 2011). Kaedah ini adalah kaedah berdasarkan nombor dan warna (Nor 'Aziah Mohd Daud, 2012). Malah kaedah ini juga turut diperaktikkan di Akademi Fakih Intelek (Centre of Quranic Research, 2011), Mahaad Tahfiz Faqeh Temerloh, dan Sahabat Faqeh Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

**Rajah 1** Penggunaan Nombor Satu Hingga Sepuluh Serta Pengulangan Semula Nombor Satu Di Awal Bacaan Dalam Kaedah Fakih



Sumber: Nor 'Aziah Mohd Daud (2012)

**Rajah 2** Warna Mewakili Setiap Tanda Bacaan

Tanda huruf dan Baris	Tanda sukun (mati)	Tanda Syaddah (sabdu)

Sumber: Nor 'Aziah Mohd Daud (2012)

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian Muhammad Sayuti Sabdan (2014), terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki di dalam kaedah tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar pekak menghadapi kesukaran dari aspek cara bacaan (isyarat tangan) dan penggunaan urutan nombor.

Selain itu, pelaksanaan pendidikan Islam pengajian al-Quran bagi golongan pekak dewasa turut dilaksanakan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016). Kelas ini melibatkan kelas fardu ‘Ain dan al-Quran bagi golongan sebanyak dua kali sebulan bertempat di dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Kelas pengajian al-Quran tertumpu pada pembelajaran tafsir al-Quran Fiqh Mazhab Imam Syafie (PRISMA, 2016).

### **3. Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Melibatkan Badan Bukan Kerajaan**

Kelas pengajian al-Quran bagi golongan pekak turut dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan di peringkat institusi dan persatuan. Antaranya ialah Akademi Fakih Intelek, Sahabat Faqeh UIA, Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA), dan Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016).


Kelas pengajian al-Quran bagi golongan pekak yang dijalankan oleh Akademi Fakih Intelek adalah hasil kerjasama dengan *Centre of Quranic Research University of Malaya Kuala Lumpur*. Kelas ini dijalankan adalah bertujuan sebagai kajian pembangunan kurikulum pendidikan Islam bagi golongan istimewa seperti *autisme*, pekak, *sindrom down*, dan *cerebral-palsy* (Centre of Quranic Research, 2011). Kaedah yang digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran al-Quran golongan pekak dewasa dan kanak-kanak pekak adalah dengan menggunakan kaedah Fakih. Berdasarkan pemerhatian penyelidik juga, kelas pengajian al-Quran anjuran Sahabat Faqeh UIA dan Maahad Tahfiz Faqeh Temerloh turut menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah Fakih.

Seterusnya ialah PRISMA. PRISMA ialah persatuan yang menjaga kebajikan komuniti golongan pekak khusus bagi golongan pekak Muslim di seluruh Malaysia. Ia memfokuskan kepada pembangunan dakwah *tarbiyah* (pendidikan), *ukhwah* (persaudaraan), dan *khairiyah* (kebajikan). Bagi pelaksanaan kelas pengajian al-Quran golongan pekak ia adalah kerjasama dengan pihak JAWI dan dilaksanakan dua kali sebulan. Silibus bagi pengajian al-Quran golongan pekak adalah dengan menggunakan tafsir al-Quran Fiqh Mazhab Imam Syafie (PRISMA, 2016).

Akhir sekali iaitu NESDA. NESDA adalah persatuan yang menjaga hak dan kebajikan komuniti pekak di sekitar Negeri Sembilan (NESDA, 2012). Terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh NESDA antaranya ialah aktiviti kepimpinan, kebajikan, pendidikan, dan lain-lain (NESDA, 2016). Bagi kelas agama ia dilaksanakan di Pusat Dakwah Ismailiah, Paroi, Seremban. Tenaga pengajar terdiri daripada golongan pekak yang berpengalaman dalam pengajian Islam serta mendapat tauliah daripada Mufti Negeri Sembilan (NESDA, 2013).

Silibus kelas pengajian al-Quran yang dijalankan oleh NESDA ialah dengan menterjemahkan ayat-ayat suci al-Quran ke bahasa isyarat. Ayat-ayat al-Quran tersebut diterjemahkan oleh jurubahasa isyarat yang bertauliah (NESDA, 2012). Selain itu, NESDA juga melaksanakan pengajian al-Quran dengan menulis ayat-ayat suci al-Quran daripada tulisan Arab kepada tulisan rumi (NESDA, 2016).

### Rajah 3 Tulisan kalimah al-Quran (Arab) ke tulisan rumi



Sumber: NESDA. (2015)

#### 4. Perbincangan Dan Penutup

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak adalah berbeza-beza sama ada di peringkat jabatan kerajaan mahupun peringkat badan bukan kerajaan. Hal ini turut dinyatakan oleh Muhammad Sayuti Sabdan et al. (2016) dan Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudah Hj Siren dan Juwairiah Hassan (2009).

Selain itu, terdapat beberapa perkara yang menjadi isu melibatkan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak. Antaranya ialah perlunya penambahbaikan dalam pelaksanaan kaedah Fakih. Ini adalah disebabkan kekeliruan pelajar pekak dari sudut cara bacaan (isyarat tangan) dan penggunaan urutan nombor yang mengelirukan (Muhammad Sayuti Sabdan, 2014).

Seterusnya ialah pembelajaran al-Quran bagi golongan pekak dengan menterjemah ayat suci al-Quran. Kesukaran golongan pekak untuk memahami ayat-ayat suci al-Quran (Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Bani hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib, 2010; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016) adalah disebabkan mereka sukar untuk memahami ayat-ayat berbentuk pertbaharaan kata, simpulan bahasa, konsep, abstrak (Miller, 2014) seperti ketuhanan, malaikat, qadak, dan qadar (Mohd Huzairi Awang et al., 2010).

Akhir sekali iaitu mentransliterasikan ayat suci al-Quran dari tulisan Arab ke tulisan rumi seperti yang dilaksanakan oleh NESDA. Berdasarkan Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 24 yang bersidang pada 5 dan 6 Jun 1989. Majlis ini menyatakan bahawa adalah tidak dibenarkan ditulis atau digunakan oleh mana-mana bahagian al-Quran kepada tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan dalam sistem penulisan al-Quran yang sebenar. Hanya rasm 'Uthman sahaja dibenarkan dalam penulisan al-Quran di Malaysia (Kementerian Dalam Negeri Malaysia, 2016). Perkara ini adalah bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan di kalangan masyarakat berkenaan dengan bacaan yang tidak betul serta boleh menyebabkan perubahan pada makna ayat itu sendiri (Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016).

Kesimpulan daripada kajian ini adalah perlunya penambahbaikan serta penyeragaman pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi golongan istimewa khususnya golongan pekak sama ada di peringkat kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (Ab Aziz Mohd Zin et al., 2009; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016; Norakyairee Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri, 2011; Norakyairee Mohd Raus, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah, & Ab. Halim Tamuri, 2013). Ia juga bertujuan bagi

memastikan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan pekak dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Selain itu, penyelidik juga mencadangkan perlunya kajian-kajian khusus berkenaan dengan pendidikan al-Quran bagi golongan pekak. Menurut Mohd Huzairi Awang et al. (2010); Muhammad Sayuti Sabdan (2014); Muhammad Sayuti et al. (2016); Zainuddin Ibrahim, Ngu, Norlidah Alias, & Dorothy Dewitt (2014) bahawa kajian ilmiah berkenaan dengan golongan pekak masih kurang dilaksanakan di Malaysia. Penyelidik juga mencadangkan bahawa perlunya kajian khusus berkenaan dengan pembangunan modul pedagogi al-Quran khusus bagi golongan pekak terutamanya golongan pekak dewasa. Ia bertujuan memastikan pendidikan bagi golongan pekak dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan tersusun.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudah Hj Siren & Juwairiah Hassan. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Mohammad Naqib Hamdan (2014). *Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya OKU*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Azzamilli, Z. I. S., & Bazazoo, H. N. (2013, December). Employing Modern Technology in Teaching the Holy Quran to Deaf Students. In *Proceedings of the 2013 Taibah University International Conference on Advances in Information Technology for the Holy Quran and Its Sciences* (pp. 489-524). IEEE Computer Society.
- Centre of Quranic Research (2011). Di ambil pada 19 Ogos 2016 daripada [http://cqr.um.edu.my/?modul=Events\\_and\\_Activities&pilihan=FAKIH\\_Learning&s\\_ubpilihan=Background](http://cqr.um.edu.my/?modul=Events_and_Activities&pilihan=FAKIH_Learning&s_ubpilihan=Background)
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012 11-24.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Dasar Orang Kurang Upaya*. Diperoleh pada 04 Ogos 2016 daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=cCtGNGNKVE9obFhBRUI5RERPRjVoUT09>
- Juwairiah Hassan. (2009). *Pelaksanaan Dakwah Kepada Orang Pekak Di Terengganu*. Sarjana Usuluddin. Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas. (2011). *Pendidikan Islam Masalah Pendengaran Tahun dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Miller, K. J. (2014). Trends Impacting One Public School Program For Students Who Are Deaf Or Hard-Of-Hearing. *Communication Disorders Quarterly*, 36(1), 35-43.
- Mohd Huzairi Awang, Hajarutul Bahti Zakaria, Bani hidayat Mohd Shafie, & Nor Hayati Fatmi Talib (2010). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran Dari Perspektif Guru. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran Islam Menjana Keintelektualan Ummah Universiti Sains Islam Malaysia, 23-25 Jun 2010*.

- Muhammad Sayuti Bin Sabdan. (2014). *Penilaian Penggunaan Kaedah Fakih Berasaskan Teknologi dan Gaya Pembelajaran Bagi Murid Pekak*. Disertasi, Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, & Nor 'Aziah Mohd Daud. (2016). Pedagogi Al-Quran Bagi Golongan Pekak: Suatu Kajian Literatur. *Persidangan Kebangsaan Kurikulum Masa Depan 31 Mei 2016*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nor 'Aziah Mohd Daud. (2012). *Kaedah Mudah Pelajari al-Quran bagi OKU: Fakih al-Quran hadiah buat golongan istimewa*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research.
- Norakyairee Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri (2011). Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa. Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa, 23-25 April 2011. IAIN ar-Raniry, Banda Aceh, Aceh.
- Norakyairee Mohd Raus, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah, & Ab. Halim Tamuri. (2013). *Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa: Guru sebagai murabbi*. Bengkel Modul Pembangunan Kelas Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh, & Mohd IsaHamzah. (2014). Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi. *Creative Education* 2014.
- Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia. (2016). *Jadual Kelas Pengajian Fardu Ain Kelas Orang Pekak Islam (KOPI) Kuala Lumpur*. Diperoleh pada 18 April 2016 daripada <http://www.mydeafmuslim.org/events.html>
- Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan. (2012). *Alamat Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan*. Diperoleh pada 19 Mei 2016 daripada <http://nesda-n9.blogspot.my/p/hubungi-kami-contact-us.html>
- Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (2016). *Album*. Diperoleh pada 20 Mei 2016 daripada [https://www.facebook.com/Persatuan-Orang-Pekak-Negeri-Sembilan-137994669605482/photos\\_stream?tab=photos\\_albums](https://www.facebook.com/Persatuan-Orang-Pekak-Negeri-Sembilan-137994669605482/photos_stream?tab=photos_albums)
- Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan. (2013). *Kelas Asas Islam*. Diperoleh pada 20 Mei 2016 daripada <http://nesda-n9.blogspot.my/p/al-quran-bahasa-isyarat-oku-pekak.html>
- Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan. (2015). *Tulisan Kalimah al-Quran (Arab) Ke Tulisan Rumi*. Diperoleh pada 21 April 2016 daripada <https://www.facebook.com/137994669605482/photos/a.971288112942796.1073741833.137994669605482/971294406275500/?type=3&theater>
- Sahabat FAQEH USIM. (2016). *Sahabat FAQEH USIM Community Organization*. Diperoleh pada 25 Mei 2016 daripada <https://www.facebook.com/sahabatfaqehusim/?fref=ts>
- Schraer-Joiner, L. (2014). *Music for Children with Hearing Loss: A Resource for Parents and Teachers*. New York: Oxford University Press.
- Sidik Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani. Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Siti Suhaila Samian, Khadijah Md Ali, Johar Bunimin, & Yahya Buntat. (2013). *Faktor Yang Mempengaruhi Halatuju Pelajar Orang Kurang Upaya Pendengaran Di Politeknik*. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Kuala Terengganu: Hotel Pemai Kuala Terengganu. 02 – 03 September 2013. 362-371.
- Spencer, P. E. (2016). *Chapter 1: It Seems Like Only Yesterday In The Oxford Handbook of Deaf*

- Studies in Language*. New York: Oxford University Press.
- Wan Sabri Wan Husin, Mohd Zaini Mat Abas, Nor ‘Aziah Mohd Daud, Norakyairee Mohd Raus, Nazean Jomhari, & Afifah Salleh, (2013). *Modul Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran Bagi Anak Istimewa*. Pembentangan di The 3rd Annual International Qur’anic Conference, Centre of Quranic Research (CQR), (13-13 Mac 2013), di Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Williams, C., (2015). Writing in Young Deaf Children. *Review of Educational Research*, 85(4), pp 630-666.
- Zainuddin Ibrahim, Ngu. K. S., Norlidah Alias, & Dorothy Dewitt. (2014). *Pembangunan Modul Pedagogi Pembelajaran Berasaskan Padlet Untuk Pelajar Pekak Di Institut Pengajian Tinggi*. Persidangan Kebangsaan Kurikulum Dan Teknologi Pengajaran, 21 Mac 2014. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.